

*Jurnal Pendidikan Malaysia 41(2)(2016): 141-147*

## Produktiviti Berdasarkan Orientasi Input Sekolah Menengah Atas (SMA) di Kota Dumai-Riau-Indonesia

(Productivity Based on Input Orientation of Senior High School in Dumai-Riau-Indonesia)

ARIF MURTI ROZAMURI\* & NUR RIZA MOHD SURADI

### ABSTRAK

*Pendidikan adalah salah satu cara yang paling penting dan efektif dalam membangunkan watak dan keperibadian anak bangsa. Jenis dan sekolah yang dipilih juga memberikan kesan dan pengaruh yang signifikan terhadap pendidikan. Oleh itu, sering didapati bahawa dalam penerimaan pelajar baharu setiap ibu bapa menginginkan anaknya mendapatkan sekolah yang terbaik. Penilaian sekolah yang terbaik banyak dilakukan berdasarkan persepsi yang terbentuk dalam masyarakat daripada satu kaedah efektif pemasaran iaitu daripada mulut ke mulut. Melalui hal tersebut, sebuah kajian ilmiah perlu dilakukan untuk melihat produktiviti Sekolah Menengah Atas (SMA) di Kota Dumai sebagai panduan dan informasi bagi ibu bapa dan masyarakat untuk menentukan sekolah yang sesuai bagi anak-anak mereka. Dalam hal ini, data kajian diambil daripada Dinas Pendidikan Kota Dumai bagi tahun pengajian 2012/2013. Perkara yang akan dikaji ialah produktiviti sekolah berdasarkan orientasi input iaitu jumlah guru, jumlah siswa dan jumlah ruang belajar.*

*Kata Kunci:* Produktiviti; Sekolah menengah atas; orientasi input; ibu bapa

### ABSTRACT

*Education is one of the most important and effective ways in developing character and personality of the nation. The type and selected school gives the impression of a significant influence on education. It was often found in the admission of new student that every parent wants their children to get the best school. Assessment of the best school is mostly done by the perceptions that build in society based on one effective marketing strategy which is called word of mouth. Based on that situation, a scientific study is needed to see productivity of Senior High School (SMA) in Dumai City as a guide and information for parents and the community in determining the appropriate school for their children. Data in this study is taken from the Department of Education in Dumai for academic year of 2012/2013. The type of analyzed productivity was input based orientation. The inputs are the number of teachers, number of students, and the number of classrooms.*

*Keywords:* Productivity; Senior high school; dumai; input orientation; parent

### PENGENALAN

Pendidikan tidak dapat terlepas daripada kehidupan manusia. Seorang mahasiswa di universiti dan pelajar disekolah akan dididik oleh guru-guru dan pensyarah. Pendidikan merupakan milik dan juga alat bagi manusia. Tiada makhluk lain yang memerlukan pendidikan selain manusia.

Pendidikan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pendidikan, teori umum pendidikan dan ilmu pendidikan. Pengertian pendidikan ialah pendidikan yang dilakukan oleh masyarakat umum, di mana pendidikan seperti ini wujud semenjak manusia ada di muka bumi. Maksud lain daripada mendidik adalah membuat manusia menjadi lebih sempurna, mereka meningkatkan hidup mereka daripada kehidupan alamiah kepada berbudaya. Dalam erti kata lain ialah mendidik adalah membudayakan manusia.

John Dewey (1966) mengatakan bahawa pendidikan itu adalah '*The general theory of education*' disamping *philosophy is the general theory of education*. (TIM MKDK 1990). John Dewey tidak membezakan falsafah pendidikan dengan teori pendidikan, kerana ia menyatakan bahawa pendidikan ialah teori awam. Konsep ini bersumber daripada falsafah pragmatis atau falsafah pendidikan progresif yang dianut oleh sebahagian besar pendidik di Amerika Syarikat. Teras daripada falsafah pragmatis adalah berguna bagi manusia. Apa yang berguna bersifat tidak tepat adalah kerana yang bermanfaat kini belum tentu bermanfaat akan datang. Sementara itu, inti daripada falsafah pendidikan progresif adalah untuk mencari secara terus-menerus sesuatu yang paling berguna untuk hidup dan kehidupan manusia. Penemuan tidak pernah berhenti dalam waktu lama pada titik tertentu serta bersifat sementara. Sebab tujuan pendidikan sekarang belum tentu memuaskan pada tahun berikutnya.

Produktiviti sekolah merupakan penanda aras dan menjadi acuan terhadap kualiti sekolah yang ingin dicapai. Penilaian terhadap prestasi sekolah tidak dapat dilakukan hanya melalui persepsi dan andaian masyarakat. Salah satunya ialah pendidikan di Kota Dumai. Melalui kajian dan pengamatan yang dilakukan, penilaian terhadap produktiviti sekolah dilakukan hanya melalui persepsi. Oleh kerana itu, kajian secara ilmiah perlu dilakukan untuk melihat tahap produktiviti yang sebenar. Salah satu objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat tahap produktiviti sekolah.

#### KAJIAN KEPUSTAKAAN

Konsep produktiviti pada dasarnya adalah nisbah daripada output kepada input untuk keadaan pengeluaran tertentu (Rogers 1998). Ia pada asasnya adalah satu ukuran (penanda aras) keberkesanan dan kecekapan organisasi dalam menjana output dengan sumber yang ada (SPRING Singapore 2011). Pendidikan dianggap sebagai salah satu pelaburan yang paling penting bagi masa depan individu dan negara. Investasi dalam pengetahuan, keterampilan dan kapasiti yang relevan penting bagi individu mahupun masyarakat. Oleh kerana itu, insentif bagi sesebuah negara untuk melabur dalam pendidikan sangat tinggi (OECD 2009).

Masyarakat menaruh banyak harapan kepada kualiti dan produktiviti di dunia pendidikan. Perdebatan kerana berlaku tentang bagaimana memenuhi harapan yang pelbagai dan menghasilkan produktiviti sekolah dengan sumber daya yang diberikan. Produktiviti pendidikan sebagaimana yang dikatakan oleh Engkoswara (2001), ialah produktiviti pendidikan adalah merangkumi prestasi yang berkesan dengan penunjuk meliputi pelajar baharu yang mendaftar graduan yang banyak dan berkualiti, ilmu yang diperolehi oleh graduan bermanfaat dan graduan dapat hidup mandiri. Selain itu, produktiviti pendidikan juga adalah melalui suasana yang cekap dengan penunjuk, iaitu penggunaan masa dan kos relatif sedikit atau sesuai sasarannya, motivasi belajar yang tinggi, mendapat kepercayaan daripada pelbagai pihak, serta kos pendidikan relatif murah dan mampu dibiayai oleh semua golongan masyarakat.

#### METODOLOGI

Data daripada kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian DEAP 2.1. Data input dan output kajian ini diambil daripada hasil pengumpulan data di Dinas Pendidikan Kota Dumai Provinsi Riau Indonesia. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kecekapan dan produktiviti pencapaian sekolah-sekolah di Kota Dumai bagi tahun pengajian 2012/2013.

#### INPUT

Terdapat tiga input yang terlibat dalam kajian ini, iaitu:

1. Jumlah guru: Jumlah bilangan guru merupakan bilangan guru yang mengajar di Sekolah Menengah Atas Negeri di Kota Dumai
2. Jumlah siswa: Jumlah siswa merupakan bilangan pelajar yang menerima proses pembelajaran dan terdaftar di Sekolah Menengah Atas Negeri di Kota Dumai
3. Jumlah ruang belajar: Jumlah ruang belajar merupakan bilangan bangunan yang tersedia untuk proses belajar dan mengajar di Sekolah Menengah Atas Negeri di Kota Dumai.

#### OUTPUT

Dalam kajian ini hanya ada satu output yang terlibat iaitu, Jumlah siswa yang lulus Ujian Nasional. Jumlah siswa yang lulus Ujian Nasional adalah bilangan pelajar yang dinyatakan lulus semasa pengumuman hasil Ujian Nasional dan dianugerahi Sijil Kelulusan Sekolah Menengah Atas oleh Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia.

Data diambil yang diambil ialah jumlah guru, jumlah siswa, jumlah ruang belajar dan prestasi kelulusan atau Ujian Nasional. Data tahun pengajian 2012/2013 diambil melalui Dinas Pendidikan Kota Dumai. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan data perisian DEAP 2.1.

#### DATA BAGI PRESTASI KECEKAPAN PENCAPAIAN UJIAN NASIONAL SEKOLAH MENEGAH ATAS DI KOTA DUMAI

JADUAL 1. Data input dan output sekolah Menengah Atas Kota Dumai

No	Sekolah	Input		Output	
		Jumlah guru	Jumlah siswa	Jumlah ruang belajar	Jumlah siswa yang lulus Ujian Nasional
1	SMAN BINSUS	37	288	15	137
2	SMAN 1	46	221	21	221
3	SMAN 2	87	328	31	328
4	SMAN 3	55	220	21	225
5	SMAN 4	32	134	10	129
6	SMAN 5	40	93	11	93
7	SMA PGRI	20	70	8	53
8	SMA MUHAMMA DIYAH	19	21	3	14
9	SMA LANCANG KUNING	17	38	5	36
10	SMA BUDI DHARMA	40	274	24	271
11	SMA YKPP DUMAI	52	271	22	271
12	SMA S. TARCISIUS	20	136	12	136

## ANALISIS KAJIAN

## RINGKASAN KECEKAPAN TEKNIKAL BERASASKAN INPUT DAN OUTPUT DATA

JADUAL 2. Ringkasan kecekapan teknikal pencapaian Ujian Nasional sekolah menengah atas di Kota Dumai

Sekolah	Kecekapan teknikal (te)
1	0.737
2	0.987
3	0.979
4	1.000
5	1.000
6	0.978
7	0.740
8	0.652
9	0.926
10	0.996
11	1.000
12	1.000

Ringkasan kecekapan pada Jadual 2 menunjukkan bahawa keputusan daripada hasil model DEA mengenai prestasi kecekapan pencapaian Ujian Nasional (UN) Sekolah-sekolah Menengah Atas Negeri di Kota Dumai Provinsi Riau Indonesia bagi tahun 2012. Berdasarkan nilai kecekapan teknikal (te), dapat dilihat bahwa firma yang mewakili sekolah-sekolah yang mempunyai nilai kecekapan teknikal 1.000 adalah dinyatakan cekap. Manakala, nilai kurang daripada 1.000 adalah menunjukkan ketidakcekapan yang memerlukan penambahbaikan dari aspek nilai input dan output yang dikaji. Merujuk Jadual 2, didapati bahawa Sekolah 4, 5, 11 dan 12 adalah lebih cekap iaitu mencapai nilai kecekapan 1.000 berbanding dengan sekolah-sekolah lain. Hal ini adalah dipengaruhi oleh nilai-nilai input dan output yang digunakan sebagai asas kajian model ini.

## RINGKASAN KUMPULAN

JADUAL 3. Ringkasan kumpulan bagi orientasi berasaskan input

Sekolah	Kumpulan
1	5
2	4
3	4
4	4
5	5
6	4
7	4
8	4
9	4
10	12
11	11
12	12

Ringkasan kumpulan pada Jadual 3 menunjukkan bahawa sekolah-sekolah di Kota Dumai yang dinyatakan cekap digunakan sebagai penanda aras kepada sekolah-sekolah yang tidak cekap. Jadual 3 merumuskan bahawa Sekolah 4 adalah lebih baik daripada Sekolah 5, 11 dan 12. Hal ini adalah merujuk kepada penggunaan yang lebih banyak terhadap sekolah ini sebagai penanda aras, iaitu sebanyak enam kali berbanding sekolah lain iaitu kurang daripada lima kali penggunaan. Perkara ini bermaksud, Sekolah 4 adalah lebih cekap.

## ORIENTASI BERASASKAN INPUT

## RINGKASAN BAGI PEMBERAT KUMPULAN

JADUAL 4. Ringkasan bagi pemberat kumpulan

Sekolah	Pemberat kumpulan
1	0.136
2	0.588
3	1.364
4	1.000
5	1.000
6	0.413
7	0.236
8	0.062
9	0.160
10	1.993
11	1.000
12	1.000

Berdasarkan Jadual 4 ringkasan bagi pemberat kumpulan menunjukkan harga bayangan bagi setiap sekolah yang cekap. Harga bayangan ini digunakan untuk penambahbaikan sekolah bagi menghasilkan prestasi akademik (nilai output) yang lebih cekap dan baik.

## RINGKASAN KIRAAN KUMPULAN

JADUAL 5. Ringkasan kiraan kumpulan

Sekolah	Kiraan kumpulan
1	0
2	0
3	0
4	6
5	5
6	6
7	7
8	8
9	9
10	10
11	11
12	12

Jadual 5 memberikan gambaran terhadap sekolah-sekolah yang lebih cekap dan kekerapan penggunaanya sebagai penanda aras untuk penambahbaikan kepada yang tidak cekap. Dapat dilihat bahawa Sekolah 4 adalah

lebih baik berbanding sekolah-sekolah lain berdasarkan kekerapan penggunaan yang lebih banyak daripada penanda aras yang lain.

#### KEPUTUSAN MENGIKUT FIRMA

Keputusan sekolah : 1  
Kecekapan teknikal : 0.737

JADUAL 6. Keputusan Sekolah 1 bagi orientasi berasaskan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduran	Nilai Unjurian
Output	137.000	0.000	0.000	137.000
Input 1	37.000	-9.725	0.000	27.275
Input 2	288.000	-75.697	-74.622	137.681
Input 3	15.000	-3.943	0.000	11.057

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 5	Pemberat 0.136
11	0.551

Sekolah 1 pada Jadual 6 menunjukkan bahawa ketidakcekapan daripada tiga input yang terlibat dalam penghasilan satu output. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 1. Input 1 (jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 26.3% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 52.19%. Selain itu, pengurangan perlu dilakukan terhadap input 3 (jumlah ruang belajar), iaitu sebanyak 26.3%.

Keputusan sekolah : 2  
Kecekapan teknikal : 0.987

JADUAL 7. Keputusan Sekolah 2 bagi orientasi berasaskan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduran	Nilai Unjurian
Output	221.000	0.000	0.000	221.000
Input 1	46.000	-0.612	0.000	45.388
Input 2	221.000	-2.941	0.000	218.059
Input 3	21.000	-0.279	-0.546	20.175

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4	Pemberat 0.588
12	0.652

Jadual 7 menunjukkan bahawa ketidakcekapan bagi Sekolah 2 daripada tiga input yang terlibat dalam penghasilan satu output. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input pada Sekolah 2. Analisis menunjukkan bahawa Input 1 (jumlah guru) perlu dan input 2 (jumlah siswa) perlu dikurangkan sebanyak 1.33% bagi

mencapai kecekapan. Manakala pengurangan yang patut dilakukan terhadap input 3 (jumlah ruang belajar), iaitu sebanyak 3.93%.

Keputusan sekolah : 3  
Kecekapan teknikal : 0.979

JADUAL 8. Keputusan Sekolah 3 bagi orientasi berasaskan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduran	Nilai Unjurian
Output	328.000	0.000	0.000	328.000
Input 1	87.000	-1.808	-6.128	79.063
Input 2	328.000	-6.818	0.000	321.182
Input 3	31.000	-0.644	0.000	30.356

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4	Pemberat lambda 1.364
11	0.078

Jadual 8 menunjukkan bahawa ketidakcekapan daripada tiga input yang terlibat dalam pada penghasilan satu output. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 3. Input 1 (jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 9.12% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) dan input 3 (jumlah ruang belajar) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 2.08%.

Keputusan sekolah : 4  
Kecekapan teknikal : 1.000

JADUAL 9. Keputusan Sekolah 4 bagi orientasi berasaskan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduran	Nilai Unjurian
Output	225.000	0.000	0.000	225.000
Input 1	55.000	0.000	0.000	55.000
Input 2	220.000	0.000	0.000	220.000
Input 3	21.000	0.000	0.000	21.000

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4	Pemberat 1.000
------------	----------------

Jadual 9 menunjukkan bahawa kecekapan Sekolah 4 daripada tiga input dalam penghasilan satu output. Nilai kecekapan teknikal bagi sekolah ini ialah 1.000. Analisis data menunjukkan bahawa Sekolah 4 mempunyai 55 orang kakitangan guru, 220 pelajar, 21 ruang belajar dan bagi menghasilkan kecemerlangan prestasi akademik merangkumi pelajar yang lulus Ujian Nasional sebanyak 225 orang bagi tahun 2013.

Keputusan sekolah : 5  
Kecekapan teknikal : 1.000

JADUAL 10. Keputusan Sekolah 5 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output 1	129.000	0.000	0.000	129.000
Input 1	32.000	0.000	0.000	32.000
Input 2	134.000	0.000	0.000	134.000
Input 3	10.000	0.000	0.000	10.000

## SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 5 Pemberat lambda 1.000

Sekolah 5 pada Jadual 10 menunjukkan kecekapan daripada tiga input dalam penghasilan satu output. Nilai kecekapan teknikal bagi sekolah ini ialah 1.000. Analisis data menunjukkan bahawa Sekolah 5 mempunyai 32 orang kakitangan guru, 134 pelajar, 10 ruang belajar dan bagi menghasilkan kecemerlangan prestasi akademik merangkumi pelajar yang lulus Ujian Nasional sebanyak 129 orang bagi tahun 2013.

Keputusan sekolah : 6  
Kecekapan teknikal : 0.978

JADUAL 11. Keputusan Sekolah 6 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	93.000	0.000	0.000	93.000
Input 1	40.000	-0.889	-16.378	22.733
Input	93.000	-2.067	0.000	90.933
Input	11.000	-0.244	-2.076	8.680

## SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4 Pemberat 0.413

Jadual 11 menunjukkan bahawa ketidakcekapan bagi sekolah 6 daripada tiga input yang terlibat dalam pada penghasilan satu output Sekolah 6. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 3. Input 1 (jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 43.2% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) dikurangkan sebanyak 2.22% dan input 3 (jumlah ruang belajar) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 21.1%.

Keputusan sekolah : 7  
Kecekapan teknikal : 0.740

JADUAL 12. Keputusan Sekolah 7 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	53.000	0.000	0.000	53.000
Input 1	20.000	-5.194	-1.851	12.956
Input 2	70.000	-18.178	0.000	51.822
Input 3	8.000	-2.077	-0.976	4.947

## SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4 Pemberat lambda 0.236

Sekolah 7 pada Jadual 12 menunjukkan bahawa ketidakcekapan daripada tiga input yang terlibat dalam pada penghasilan satu output Sekolah 7. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 3. Input 1 (Jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 43.2% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) dikurangkan sebanyak 2.22% dan input 3 (jumlah ruang belajar) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 21.1%.

Keputusan sekolah : 8  
Kecekapan teknikal : 0.652

JADUAL 13. Keputusan Sekolah 8 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	14.000	0.000	0.000	14.000
Input 1	19.000	-6.615	-8.963	3.422
Input 2	21.000	-7.311	0.000	13.689
Input 3	3.000	-1.044	-0.649	1.307

## SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4 Pemberat 0.062

Jadual 13 menunjukkan bahawa ketidakcekapan daripada tiga input yang terlibat dalam penghasilan satu output pada Sekolah 8. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 8. Input 1 (jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 82% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) dikurangkan sebanyak 34.8% dan input 3 (jumlah ruang belajar) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 56.4%.

Keputusan firma : 9  
Kecekapan teknikal : 0.926

JADUAL 14. Keputusan Sekolah 9 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	36.000	0.000	0.000	36.000
Input 1	17.000	-1.253	-6.947	8.800
Input 2	38.000	-2.800	0.000	35.200
Input 3	5.000	-0.368	-1.272	3.360

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 4 Pemberat 0.160

Jadual 14 menunjukkan bahawa ketidakcekapan daripada tiga input yang terlibat dalam penghasilan satu output. Pada penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 9. Input 1 (jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 48.2% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) dikurangkan sebanyak 7.4% dan input 3 (jumlah ruang belajar) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 32.8%.

Keputusan sekolah : 10  
Kecekapan teknikal : 0.996

JADUAL 15. Keputusan Sekolah 10 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	271.000	0.000	0.000	271.000
Input 1	40.000	-0.147	0.000	39.853
Input 2	274.000	-1.007	-1.993	271.000
Input 3	24.000	-0.088	0.000	23.912

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 12 Pemberat 1.993

Jadual 15 menunjukkan bahawa ketidakcekapan bagi Sekolah 10 daripada tiga input yang terlibat dalam penghasilan satu output. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga nilai input Sekolah 8. Input 1 (jumlah guru) perlu dikurangkan sebanyak 0.37% bagi mencapai kecekapan. Manakala, bagi input 2 (jumlah siswa) dikurangkan sebanyak 1.09% dan input 3 (jumlah ruang belajar) nilai yang patut dikurangkan adalah sebanyak 0.37%.

Keputusan firma : 11  
Kecekapan teknikal : 1.000

JADUAL 16. Keputusan Sekolah 11 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	271.000	0.000	0.000	271.000
Input 1	52.000	0.000	0.000	52.000
Input 2	271.000	0.000	0.000	271.000
Input 3	22.000	0.000	0.000	22.000

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 11 Pemberat 1.000

Jadual 16 menunjukkan bahawa kecekapan daripada tiga input dalam pada penghasilan satu output. Nilai kecekapan teknikal bagi sekolah ini ialah 1.000. Analisis menunjukkan bahawa Sekolah 11 mempunyai 52 orang jumlah guru, 271 pelajar, 22 ruang belajar bagi menghasilkan kecemerlangan prestasi akademik merangkumi pelajar yang lulus Ujian Nasional sebanyak 271 orang bagi tahun 2013.

Keputusan sekolah : 12  
Kecekapan teknikal : 1.000

JADUAL 17. Keputusan Sekolah 12 bagi orientasi berdasarkan input

Pemboleh ubah	Nilai asal	Pergerakan jejarian	Pergerakan kenduruan	Nilai Unjuran
Output	136.000	0.000	0.000	136.000
Input 1	20.000	0.000	0.000	20.000
Input 2	136.000	0.000	0.000	136.000
Input 3	12.000	0.000	0.000	12.000

#### SENARAI KUMPULAN

Kumpulan 12 Pemberat 1.000

Jadual 17 menunjukkan bahawa kecekapan daripada tiga input dalam pada penghasilan satu output. Nilai kecekapan teknikal bagi sekolah ini ialah 1.000. Analisis menunjukkan bahawa Sekolah 12 mempunyai 20 orang jumlah guru, 136 pelajar, 12 ruang belajar bagi menghasilkan kecemerlangan prestasi akademik merangkumi pelajar yang lulus Ujian Nasional sebanyak 136 orang bagi tahun 2013.

## KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa Sekolah 4 iaitu Sekolah Menengah Atas Negeri 3 Dumai adalah merupakan sekolah yang paling cekap. Hal ini terbukti dengan kekerapan penggunaan sekolah sebagai penanda aras bagi sekolah-sekolah lain yang tidak cekap untuk penambahbaikan terhadap prestasi akademiknya.

Sekolah adalah merupakan sektor di bawah pentadbiran pemerintah Republik Indonesia. Input yang terlibat dalam kajian ini adalah jumlah guru, bilangan pelajar dan jumlah ruang belajar. Sekiranya penggunaan orientasi input digunakan, maka pihak sekolah terpaksa mengurangkan setiap nilai input yang terlibat bagi mencapai kecekapan teknikal. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai perjanjian dengan kerajaan. Status pekerjaan mereka adalah tetap. Pihak sekolah tidak boleh mengambil tindakan yang sewenang-sewenangnya untuk memberhentikan mereka bagi mengurangkan nilai input untuk mencapai kecekapan.

Pihak sekolah juga tidak boleh mengurangkan jumlah ruang belajar kerana ia merupakan salah satu kemudahan yang ditawarkan oleh sekolah dan menjadi salah satu pertimbangan bagi ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah tersebut. Namun begitu, bilangan pelajar boleh dikurangkan nilainya bagi mencapai kecekapan teknikal. Ini adalah kerana, pihak sekolah mempunyai hak untuk menentukan bilangan pelajar yang diperlukan di sekolah mereka dengan garis panduan daripada Dinas Pendidikan.

## RUJUKAN

- Abd Rahim, A.R. & Khadijah, D. 2011. *Hubungan antara Sistem Pengurusan Sekolah Kualiti (SpSK) dengan Kualiti dan Produktiviti Guru di Sekolah Rendah Rintis Daerah Johor Bahru*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Adams, D. 1993. *Defining Educational Quality. Improving Educational Quality Project Publication*. Biennial Report. Arlington, VA: Institute for International Research.
- Adriana Zait. 2006. Lovely thoughts on the meaning of education. *Journal of Organization Change Management* 19(6).
- Bastian, Indra. 2001. *Akuntansi Sektor Publik di Indonesia*. Yogyakarta: BPFE.
- Brandon, Charles H. & Ralph, E. Drtina. 1998. *Management Accounting Strategy and Control*. Canada: McGraw-Hill Companies Inc.
- Dewey, J. 1966. John Dewey: Selected Educational Writing.
- Engkoswara. 2001. *Paradigma Manajemen Pendidikan*. Bandung: Yayasan Amal Keluarga.
- OECD. 2009. *Education at a Glance*. Paris: OECD.

Arif Murti Rozamuri\* & Nur Riza Mohd Suradi  
Pusat Pengajian Sains Matematik  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E.

\*Pengarang untuk surat-menyurat; email: ayiep\_murti@yahoo.com

Diserahkan: 30 Januari 2016

Diterima: 24 Ogos 2016

